

**TAHAP KEFAHAMAN DAN PENERIMAAN KONTRAKTOR  
TERHADAP ADJUDIKASI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

**WONG SIEW NA**

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Falkuti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**MEI, 2011**

## **PENGHARGAAN**

Kajian penyelidikan Projek Sarjana Muda ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna jika tiada bantuan dan sokongan diberikan oleh semua pihak. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia iaitu PM Dr. Razali Bin Adul Hamid atas dorongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh beliau sepanjang masa penyelidikan Projek Sarjana Muda Ukur Bahan ini. Kesudian beliau untuk meluangkan masa untuk perbincangan dengan saya amatlah dihargai.

Ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya kerana banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dan padangan bermas yang telah diberikan. Akhirnya, Saya juga ingin merakam terima kasih kepada keluarga kerana banyak memberikan sokongan dan dorongan selama menyiapkan kajian ini.

## ABSTRAK

Adjudikasi baru diperkenalkan sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dalam industry pembinaan Malaysia. Adjudikasi di Malaysia adalah di bawah kontrak dan bukan statutori. *Construction Industry Development Board* (CIDB) telah bekerjasama dengan industri pembinaan untuk mengembangkan “*Construction Industry Payment Adjudication Act*” (CIPAA). Walaubagaimanapun, terdapat tahap kefahaman terhadap adjudikasi di negara South Africa dan New South Wales yang masih rendah . Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpastikan adakah isu- isu yang timbul di luar negara yang berlaku di negara kita. Jadi, objektif bagi penyelidikan ini adalah untuk mengenalpastikan tahap kefahaman dan tahap penerimaan kontraktor terhadap elemen-elemen penting melalui adjudikasi dalam industri pembinaan. Skop penyelidikan ini adaah kontraktor G7 di negeri Johor sahaja. Cara pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah secara borang soal selidik. Analisis penyelidikan akan dibuat dengan analisis frekuensi dan skil *Likert*. Penyelidikan ini adalah menganalisis data dengan menggunakan *Microsoft Office Excel 2007*. Keputusan penyelidikan ini menunjukkan tahap kefahaman kontraktor terhadap adjudikasi yang agak tinggi. Namun, tahap kefahaman kontraktor terhadap prosedur adjudikasi dalam proses adjudikasi adalah sederhana sahaja. Jadi, hanya setengah daripada kontraktor bersetuju menerima adjudikasi di bawah CIPAA untuk digunakan sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif .

## **ABSTRACT**

Adjudication as an alternative dispute resolution (ADR) mechanism has recently been introduced to the Malaysia construction industry. Adjudication in Malaysia is under contractual and not for statutory. The Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) is currently working together with the construction industry to develop the proposed Construction Industry Payment and Adjudication Act (CIPAA). However, the level of awareness of the adjudication in country South Africa and New Wales is low. Therefore, this reasearch was to identify whether the issues arising from other country that occurred in our country. So, the objective of this research is to identify the level of awareness dan level of acceptance of the contractor on the essential elements through adjudication in construction industry. The scope of this study is contractor G7 in Johor only. Data collection method used in this study is questionnaire. Analysis of the research had been done with frequency analysis and Likert scale. The research is to analyse the data using *Microsoft Office Excel 2007*. Finding of this research indicate the level of awareness of the contractor to the adjudication is quite high. However, contractor hold the moderately level knowledge of adjudication procedure in the adjudication process. So, only half of the contractors agreed to accept the adjudication under CIPAA used as a method of alternative dispute resolution.